Baca perenggan tersebut. Kemudian susun perenggan dengan meletakkan nombor.

Praktis 1

Kamu ingin memberitahu nenek bahawa kamu akan pulang ke kampung pada cuti sekolah yang akan datang.
Nomborkan perenggan di bawah ini mengikut susunan yang betul, kemudian tulis semula.

Cucundamu,
Muhammad Nor

Nenda yang dikasihi,
Telah setahun cucunda dan keluarga tidak pulang ke kampung untuk mengunjungi nenda. Selama itu, cucunda amat rindu apabila terkenang akan nenda di kampung. Cuti persekolahan akan menjelang tiba beberapa minggu lagi. Dengan itu, cucunda dan keluarga berhasrat untuk mengunjungi nenda di kampung.

Nenda,
Jika tidak ada apa-apa aral, kami akan pulang ke kampung pada hari Ahad, 15 Julai 2018. Kami akan bertolak pada pukul 8.00 pagi dan dijangka akan mengambil masa selama empat jam perjalanan.

Menemui nenda yang berada di Johor semoga dalam keadaan sihat walafiat. Cucunda dan keluarga di sini sihat-sihat sahaja.

Rasanya, setakat ini dahulu coretan cucunda kali ini. Sebelum berpisah, cucunda ingin memohon maaf jika ada sebarang kesalahan. Akhir sekali, sama-samalah berdoa agar impian cucunda untuk menziarahi nenda menjadi kenyataan. Sekian.

Cucunda berasa bahawa kepulangan kali ini tentu lebih menyeronokkan. Hal ini kerana, cucunda akan membawa beberapa orang kawan untuk menikmati keindahan kampung. Untuk makluman nenda, kawan-kawan cucunda sangat teruja untuk melihat keindahan sawah padi yang menguning dan menangkap ikan di bendang.

Muhammad Nor bin Syakirin.
No. 6, Taman Bukit Tembakau,
75450 Bukit Katil,
Melaka.

3 Jun 2018.

LIVEWORKSHEETS